

15/01/2004

## Perlumbaan Udara Empat Penjuru lonjak martabat Malaysia

Aida Adilah Mat

PERNAHKAH anda mendengar perlumbaan udara? Sejarah lalu membuktikan perlumbaan udara ini mendapat penyertaan dan sambutan yang sungguh menggalakkan baik dari segi jumlah penyertaan mahupun penonton.

Mungkin ia tidak sepopuler sukan bertaraf antarabangsa lain seperti Formula Satu dengan Michael Schumacher atau bola sepak dengan David Beckham atau ragbi dengan Jonny Wilkinson, tapi perlumbaan udara tetap unik dan menarik.

Justeru sempena dunia penerbangan merayakan detik kelahirannya pada 17 Disember lalu dengan genap ulang tahun ke-100 kapal terbang pertama yang dicipta adik beradik Orville dan Wilbur Wright, Malaysia buat pertama kalinya akan menganjurkan perlumbaan kapal terbang yang dinamakan Perlumbaan Udara Empat Penjuru pada 7-9 Mei ini.

Perlumbaan berkenaan bakal mencipta satu sejarah baru dalam sukan udara dan pastinya akan menarik ramai penonton untuk melihat perlumbaan berlangsung.

Namun di sebalik pertandingan yang bakal diadakan hadir anak tempatan yang veteran dalam dunia perlumbaan udara serta menguruskannya - K.Sivaraman

Cetusan idea dari bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir menjadikan Sivaraman lebih bersemangat untuk menganjurkan pertandingan ini.

Mungkin sukan ini tidak mendapat perhatian sehebat Formula One, pemotoran atau berbasikal, tetapi acara ini boleh dijadikan sebagai sukan baru di Malaysia malah dapat menarik minat orang ramai menyertai bidang udara.

Sivaraman berpengalaman luas dalam bidang penerbangan, pernah menyertai berbagai pertandingan udara antarabangsa dan pertandingan terbesar di sertai ialah dari Paris-Langkawi-Paris pada 1990 yang memakan masa selama tiga minggu.

"Saya sudah menyertai banyak pertandingan penerbangan, saya rasa sudah tiba masanya bagi Malaysia mencuba untuk menganjurkan pertandingan seperti ini kerana tiada apa yang mustahil," katanya yang menganggap pertandingan ini amat baik dalam mempromosikan Malaysia ke seluruh dunia.

Beliau yang berasal dari Sentul Kuala Lumpur yang akan menganjurkan pertandingan ini dengan kerjasama pengurusan Menara Kuala Lumpur.

Sivaraman berharap pertandingan ini akan menjadi satu pertandingan tahunan dan setaraf dengan perlumbaan udara dunia yang lain.

"Secara tidak langsung pertandingan empat penjuru ini dapat mempromosikan Malaysia, peserta akan menjawab pelbagai soalan mengenai Malaysia sebagai salah satu syarat pertandingan" katanya.

Pertandingan berlangsung selama tiga hari membabitkan peserta dari Australia, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, China, India, Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura dan peserta tempatan.